



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

OPERASI BERSEPADU UNIT SUKATAN DAN TIMBANGAN (SDT), TABUNG AMANAH PEKERJA (TAP) DAN JABATAN BURUH

Tarikh: 11hb Februari 2023

1. Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) dan Tabung Amanah Pekerja (TAP) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengendalikan operasi bersepadu di kawasan Kuala Belait dan Seria pada hari Sabtu, 4hb Februari 2023.
2. Ianya merupakan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan secara rutin dalam memastikan sebarang penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan adalah sah, tepat dan berdaftar selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151. Operasi sepadu juga menguatkuaskan peruntukan Bab 23 Akta Amanah Pekerja (Penggal 167) dan Bab 26 Perintah Amanah Pencen Caruman Tambahan 2009, iaitu gagal membayar dan gagal memenuhi sebarang peraturan atau aturan yang dibuat di bawah undang-undang ini, akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Pindaan 2021) dan Akta Perintah Pekerjaan 2009.
3. Hasil daripada operasi tersebut, Unit SDT mendapati sebanyak tujuh (7) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151. Satu (1) Notis Peringatan telah dikeluarkan ke atas kesalahan tidak memaparkan tanda berat ke atas beberapa produk barang-barang berbungkus dan memperkeras tanda berat yang tidak betul sepertimana tanda berat yang tertera pada bungkusan buah, sayur segar dan makanan kering. Semasa operasi dilaksanakan, pihak pengurusan dan pekerja-pekerja pembungkus juga turut dikongsikan tatacara pembungkus dan menimbang dengan betul. Sementara itu, seorang pekerja didapati belum berdaftar dan belum dicarumkan dengan TAP.
4. Pada masa yang sama, Jabatan Buruh telah mendapati satu (1) kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 Bab 10. Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh memohon agar para majikan di Negara Brunei Darussalam supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009, seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada tempoh yang ditetapkan. Para majikan juga adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009. Manakala, menurut Akta TAP majikan perlu membuat pembayaran caruman TAP dan SCP pekerja mereka sebelum 15hb pada bulan berikutnya bagi mengelakkan caj lewat pembayaran.

5. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut:
 - I. Unit Sukatan dan Timbangan melalui e-mel: sdt@mofe.gov.bn atau talian 233 4092;
 - II. Tabung Amanah Pekerja melalui e-mel: ask@tap.com.bn;
 - III. Jabatan Buruh melalui talian: 2381848 (semasa waktu pejabat) atau 7298989 (selepas waktu pejabat).



PRESS RELEASE

MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

JOINT ENFORCEMENT OPERATION WEIGHTS AND MEASURES UNIT (SDT), TABUNG AMANAH PEKERJA (TAP) AND LABOUR DEPARTMENT

Date: 11th February 2023

1. Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE) and Tabung Amanah Pekerja (TAP) under the Ministry of Finance and Economy as well as Labour Department, Ministry of Home Affairs conducted a joint Enforcement Operation in Kuala Belait and Seria on Saturday, 4th February 2023.
2. The operation was a routine enforcement initiative to ensure weights and measures machines used for business activity are registered and verified in accordance to the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151. The Operation also enforced Section 23 of Employee Trust Act (Chapter 167) and Section 26 of Supplemental Contributory Pension Trust Order 2009 failure to pay and failure to comply with any regulations made under this law, Minor Offenses Act (Amendment 2021) and Employment Order 2009.
3. During the operation, SDT officers found seven (7) units of weighing machines complied with the Weights and Measures Act 1983, Chapter 151 and its stipulated guidelines. One (1) Warning Notice was issued to a company that did not display net weight on packaged products such as vegetables, fruit and dry food and misleading weight marks as stated on the package. In view of this, SDT also shared the proper and correct practice on packing and weighing procedures to the management and packing workers of the company. Meanwhile, one (1) employee was found to be unregistered and yet to contribute with TAP.
4. The Labour Department found one (1) offence under the Employment Order 2009 Chapter 10. In light of this, the Department of Labour would like to remind the employers in Brunei Darussalam to always monitor the well-being of their employees in accordance to the Employment Order, 2009, such as providing employment contract and paying salary on time. The employers are also advised to not abuse the Foreign Workers License and violate any laws pertaining to Employment Order, 2009. Also, in accordance to TAP Act, employers are required to abide by the law and make their TAP and SCP contributions on time before 15th of the preceding month to avoid late charges.
5. For any enquiries, public may contact the relevant agencies as follow:
 - I. Weights and Measures Unit via email: sdt@mofe.gov.bn or contact at 233 4092;
 - II. Tabung Amanah Pekerja via email: ask@tap.com.bn;
 - III. Labour Department at 2381848 (office hours) or at 7298989 (after office hours).

**OPERASI BERSEPADU UNIT SUKATAN DAN TIMBANGAN (SDT),
TABUNG AMANAH PEKERJA (TAP) DAN JABATAN BURUH**



**OPERASI BERSEPADU UNIT SUKATAN DAN TIMBANGAN (SDT),
TABUNG AMANAH PEKERJA (TAP) DAN JABATAN BURUH**

